



**BAHAGIAN PERUMAHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Rujukan : SUKNS.700-9/11/8 Jld 3 (4)
Tarikh : 5 Februari 2021

KENYATAAN SEBUT HARGA BAHAGIAN PERUMAHAN

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB MALAYSIA** dalam **Gred G2** dalam kategori pengkhususan **B04 Dan CE 21, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih sah laku** dibenarkan memenuhi tawaran ini bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

**BP 03/2021 Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Baikpulih Kerosakan Kawasan
Gunasama Serta Kerja Berkaitan Di Desa Rimbunan Kaseh, Rembau, Negeri
Sembilan**

2. Kontraktor-kontraktor yang berminat untuk memasuki sebutharga tersebut dimaklumkan bahawa **tiada taklimat dan lawatan tapak**. Walaubagaimanapun kontraktor digalakkan untuk membuat lawatan tapak sendiri ke tapak berkaitan dengan mengamalkan amalan penjarakan sosial, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* sebelum mengemukakan tawaran harga dengan lebih tepat.
3. Borang pendaftaran hendaklah dilengkapkan secara **online** melalui ' **Google Form** ' dimana pautan link akan dimuat turun di dalam **Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan (www.ns.gov.my)** pada **15 Februari 2021 bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang**.
4. Borang sebutharga akan mula dijual pada **16 Februari 2021 (Selasa) sehingga 22 Februari 2021 (Isnin)**. Pembelian borang selepas tarikh tersebut **tidak akan dilayan**. Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang **ASAL** dan masih sah hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga. Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut. Dokumen tidak akan dijual sebelum tarikh ini. **Hanya kontraktor yang telah berdaftar melalui ' Google Form ' dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang sahaja yang dibenarkan membeli borang. Pendaftaran sebelum atau selepas tarikh tersebut tidak akan diterima**. Segala butiran dan dokumen boleh didapati semasa waktu pejabat seperti berikut:-

HARI	WAKTU
ISNIN – KHAMIS	8.30 pagi – 12.30 tengahari
	2.15 petang – 4.30 petang
JUMAAT	8.30 pagi - 12.00 tengahari
	2.45 petang - 4.30 petang

5. Sebutharga akan ditutup pada **22 Februari 2021 (Isnin) jam 12.00 tengahari**. Semua borang sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga, Bahagian Perumahan (BP), Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Kadir, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus**. Dokumen yang dihantar selepas jam 12.00 tengahari tidak akan diterima.

6. Bayaran sebanyak **RM 50.00** boleh dibuat secara **TUNAI / WANG POS / WANG KIRIMAN POS / DERAJ BANK** bagi pembelian setiap dokumen dan hendaklah dibayar di atas nama Bendahari Negeri, Negeri Sembilan.



(ANIRWAN FAUZEE BIN MOHD AINI)

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perumahan